

JANGKAMASA PENENTUAN JANTINA DALAM TEMPOR
PENGERAMAN TELUR PENYU AGAR (*Chelonia mydas*)

ABDUL WAHAB RAHIM

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
TERENGGANU
1996

**JANGKAMASA PENENTUAN JANTINA DALAM TEMPOH Pengeraman
TELUR PENYU AGAR (*Chelonia mydas*)**

Oleh :
ABDUL WAHAB RAHIM

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah
Bacelor Sains Perikanan

0200003687

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
TERENGGANU
1996

1100023925

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan kehendakNya, saya dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Rakaman ucapan terima kasih ini saya tujukan teristimewa buat ayahanda Rahim bt. Harris dan bonda Atinah bt. Hj. Shahdan yang telah banyak memberi galakan, semangat, contoh taulan dan dorongan tanpa jemu supaya terus maju sepanjang pengajian saya. Tidak ketinggalan juga buat kekanda Abdul Muis bin Rahim yang terlalu memberi pengorbanan melalui pelbagai bantuan baik dari segi dorongan mahupun wang ringgit. Kejayaan saya menyiapkan projek ini juga atas nasihat dan perangsang dari kakak dan adik-adik tersayang. Terima kasih sahaja yang dapat saya ucapkan.

Di sini saya merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Liew Hock Chark atas bantuan dan bimbingan dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Chan Eng Heng. Segala jasa baik mereka akan sentiasa dikenang.

Ucapan terima kasih kepada En. Kamaruddin (pegawai SEAFDEC) di atas kesudian beliau dan menghulurkan bahan rujukan . Jutaan terima kasih kepada En. Mazlan di atas bantuan beliau dalam menyiapkan kerja-kerja histologi dan seterusnya kepada Wan Somarny yang turut sama berbincang dan menghulurkan bantuan untuk menyiapkan laporan projek ini. Tidak dilupakan juga buat teman-teman seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dalam menyiapkan projek ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baik kalian.

Abdul Wahab Rahim

22 April 1996

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan jangkamasa di mana jantina penyu ditentukan. Ianya dijalankan dengan melakukan pemindahan telur pada selang masa iaitu setiap 10 hari ke atas suhu pengeraman 28 °C dan 30 °C. Proses pengecaman gonad dilakukan dengan menggunakan kaedah histologi yang dijalankan di makmal SEAFDEC, Chendering, Terengganu. Keputusan penentuan jantina, hasil daripada pemindahan telur yang dilakukan pada selang masa setiap 10 hari menunjukkan jantina ditentukan selepas 20 hari pengeraman iaitu lebih kurang 1/3 dari tempoh pengeraman. Untuk telur yang tidak dipindahkan didapati bahawa pada suhu sejuk (28 °C) jantina anak tetasan jantan yang diperolehi ialah 65 % sementara bagi suhu yang panas (30 °C) anak tetasan betina yang diperolehi ialah 55.6 %. Jantina anak tetasan lain tidak dapat ditentukan. Keputusan menunjukkan bahawa suhu yang sejuk menghasilkan lebih banyak penyu jantan, sementara suhu panas pula menghasilkan anak tetasan betina.

ABSTRACT

The purposed of this study is to estimate the period at which gonad differentiation occurs in the green turtle (*Chelonia mydas*). This was achieved by transferring eggs between the temperatures of 28 °C and 30 °C at 10 day intervals. Identification of gonad type was done at SEAFDEC by using histological techniques. The resolution of sex determination from the egg transfer process between the two temperatures showed that sex differentiation occur after 20 days of incubation which is about 1/3 of the incubation period. For eggs where no temperature switching was done, the results produced 65% of males at the lower temperature (28 °C) while at the higher temperature (30 °C), 55.6% females were produced. Sex of the other hatchlings could not be determined. This showed that at the lower temperature, males predominate while at the higher temperature female predominate.